

Konsisten belajar formula kejayaan pelajar cemerlang USIM

SEREMBAN 7 Nov. - Sentiasa konsisten dan seimbang dalam pencapaian akademik serta kokurikulum selain bersikap optimis mengejar apa yang hendak dicapai adalah formula kejayaan Penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), **Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid**, 24.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi itu berkata, beliau gembira menerima anugerah itu selepas berhempas pulas sepanjang pengajiannya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dekat Nilai di sini.

Katanya, perjalanan jauh dari tempat asalnya di Ranau, Sabah menyebabkan beliau berasa terharu apabila menerima anugerah berkenaan pada majlis Konvokesyen USIM Ke-13 hari ini.

"Saya bukan datang dari keluarga kaya tetapi dorongan ibu bapa yang tidak putus-putus memberi perangsang menyebabkan saya tidak berputus asa menghadapi cabaran dan dugaan 'sepanjang pengajian,'" katanya.

Bermula semester pertama sehingga semester akhir pengajian, nama Mohd. Taqwudin sentiasa tersenarai sebagai salah seorang penerima Anugerah Dekan di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU).

Mohd. Taqwudin mewakili USIM dan Malaysia ke beberapa program kepemimpinan peringkat antarabangsa seperti *The 5th University Scholars Leadership Symposium* di Phnom Penh, Kemboja dan *The 2nd ASEAN Future Leader Summit Malaysia-Thailand*.

Kepetahan berbahasa Arab membolehkan beliau mewakili USIM-Malaysia dalam *Maal Hijrah Arabic Debate Championship 2014* dan *ASEAN Arabic Debate Championship 2015*.

Tambahan itu pula, berbekalkan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, beliau mengikuti Latihan Industri Antarabangsa di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei.

Di samping itu, karya penulisan beliau telah beberapa kali diterbitkan oleh akhbar tempatan termasuk *Utusan Malaysia*.

Beliau menerima watakah, Pingat Jaya Cemerlang dan wang tunai RM5,000.00 daripada Canselor USIM, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Seorang lagi penerima anugerah yang sama, **Amarul Arief Mohd. Suhaimi**, 25, teruja, gembira dan bangga terhadap ibu bapanya yang banyak berkorban hingga beliau mampu memperoleh kejayaan hari ini.

Beliau turut mengaitkan kejayaan itu dengan bantuan semua pihak termasuk para guru, pensyarah dan rakan-rakan yang sama-sama memainkan peranan masing-masing.

"Anugerah ini untuk semua yang membantu dan bersama saya sepanjang di USIM dan sebelumnya," katanya yang menerima Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan.

Pencapaian yang sederhana di peringkat diploma dan persekolahan tidak pernah mengengkang semangat dan iltizam Amarul Arief untuk meneruskan pengajian dalam bidang ijazah di menara gading itu.

Bakat kepimpinannya dapat dilihat daripada tanggungjawab sebagai Presiden Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (PM-FKP) sesi 2013/2014 dan juga Presiden Young Muslim Leaders of the Future (YMLF) USIM yang dinilai dan ditapis daripada lebih 600 orang pemohon seluruh USIM dan melalui lima peringkat saringan yang sangat ketat.

Selain itu, beliau juga pernah menggalas tanggungjawab sebagai pengarah program dan ketua rombongan dalam Global Islamic Students Outreach (GISO): Eksplorasi Menjelajahi Bumi Kanggaro di Adelaide, Australia pada tahun lalu dan berjaya mendapat tempat kedua dalam keberhasilan terbaik dalam Sesi Pembentangan Laporan Pengembaraan USIM, Global Islamic Students Outreach 2014.